

● KENYATAAN AKHBAR

24 Oktober 2012

Untuk Siaran Segera

BANK MUAMALAT LANCAR SKIM PEMBIAYAAN MIKRO

Kuala Lumpur, Rabu 24 Okt: En. Musa Abdul Malek, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) melancarkan 'Skim Pembiayaan Mikro' di Hotel Istana, Kuala Lumpur hari ini.

Skim Pembiayaan Mikro, satu lagi produk Bank Muamalat dibuka khas untuk Pesara Kerajaan/Tentera yang berpencen, isteri-isteri Tentera dan peneroka-peneroka FELCRA.

Skim ini diadakan bertujuan untuk menyediakan modal sebagai permulaan perniagaan; menambah modal perniagaan atau untuk memperbesarkan lagi perniagaan, dimana dananya akan diperolehi daripada "Micro Enterprise Fund" yang disediakan oleh pihak Bank Negara Malaysia.

Dalam ucapannya, En. Musa Abdul Malek berkata, "Sebagai institusi kewangan Islam yang mempunyai tanggungjawab sosial kepada masyarakat, terutamanya di kalangan Pesara Kerajaan/Tentera, isteri-isteri Tentera dan peneroka FELCRA yang mungkin berdepan dengan masalah untuk mendapat pembiayaan modal untuk memulakan perniagaan atau membesarkan perniagaan yang sedia ada sekarang. Maka, dengan Skim Mikro ini kami yakin akan dapat membantu mereka dari segi kewangan untuk memulakan perniagaan atau memperbesarkan lagi perniagaan mereka."

Bank Muamalat akan dapat menyediakan Skim Pembiayaan Mikro dengan kadar yang lebih berpatutan iaitu sebanyak 3.60 peratus tetap setahun berbanding dengan 5.25 peratus tetap setahun sebelum ini, katanya lagi.

Issued by Corporate Communications Department of Bank Muamalat Malaysia Berhad. For further information, please contact Saidatul Leiza Suleiman at leiza@muamalat.com.my or 012 – 2002 639.